




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 389 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 42,288 kes. Lapan (8) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Lahad Datu, dua (2) kes di Penampang dan masing-masing satu (1) di daerah Papar, Kota Kinabalu dan Tuaran. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 276 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 38,240 orang. Sejumlah 2,886 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 766 orang di hospital dan 2,120 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 73 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 389 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 281 kes (72.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 68 kes (17.5%), saringan kluster-kluster sedia ada 8 kes (2%) dan 32 kes (8.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,039 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam adalah 4,714 unit. Terdapat penambahan 1,100 unit katil di PKRC Pusat Tahanan Sementara menjadikan jumlah keseluruhan 6,853 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 42.11%.
- 7 Hospital Kudat telah beroperasi semula sebagai hospital COVID-19 bermula 13 Januari 2021. Ini menjadikan jumlah hospital COVID-19 di Sabah sebanyak 9 buah hospital, manakala PKRC kekal 38 buah.

**B. SUMBANGAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT DAN ORANG PERSENDIRIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PENGGERAKAN (PKP)**

- 1 Kerajaan negeri mengalu-alukan sumbangan daripada semua NGO, syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan orang persendirian sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa.
- 2 Bagi tujuan penyelarasan, sumbangan haruslah disalurkan melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di setiap daerah berkenaan. Kegagalan mematuhi arahan tersebut, akan dikenakan kompaun.

**C. OPERASI GERAI MAKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PENGGERAKAN (PKP)**

- 1 Aktiviti pembekalan atau penjualan makanan di gerai makan, kenderaan saji (*food truck*), penjaja dan medan selera termasuk **GERAI MAKAN TEPI JALAN** adalah **DIBENARKAN** beroperasi secara bawa pulang (*take away*) atau pandu lalu sahaja.
- 2 Waktu operasi perniagaan yang dibenarkan ialah **6.00 pagi hingga 8.00 malam** dan **dine-in TIDAK DIBENARKAN**.

#### **D. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) SEKTOR PERHUTANAN**

- 1 Kerajaan Negeri memberi kebenaran untuk operasi perhutanan huluan (*upstream*) yang melibatkan operasi pembalakan dan pengangkutan kayu balak, pembangunan ladang hutan, rehabilitasi hutan, inventori hutan dan rawatan silvikultur.
- 2 Kebenaran juga diberikan untuk operasi perhutanan hiliran (*downstream*) yang melibatkan operasi kilang dan aktiviti eksport/ import.
- 3 Operasi sektor ini melibatkan kapasiti 50% pekerja sokongan dan 30% pekerja peringkat pengurusan pejabat dalam satu-satu masa bekerja.
- 4 Waktu operasi yang dibenarkan ialah 6.00 pagi hingga 6.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat. Manakala pada hari Sabtu dan Ahad, tertakluk kepada permohonan dan kelulusan Pegawai Perhutanan Daerah.
- 5 Namun demikian, aktiviti rekreasi hutan termasuk hiking, memancing, jogging, berbasikal dan aktiviti lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

#### **E. PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MENGGILAP KENDERAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN Pengerakan (PKP)**

- 1 Perniagaan perkhidmatan mencuci dan menggilap kenderaan **DIBENARKAN** beroperasi dalam tempoh PKP sebagai rantaian penyelenggaraan automatif dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.
- 2 Pengusaha perlu menyediakan pekerja yang mengawal keluar masuk pelanggan. Waktu operasi yang dibenarkan ialah mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

#### **F. SEKTOR PEMBINAAN**

Sebagai menyokong sektor pembinaan, operasi kuari adalah dibenarkan bermula dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

#### **G. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **316,559** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

## H. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## I. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Belud	94%
2	Kinabatangan	94%
3	Kudat	94%
4	Beaufort	93%
5	Kunak	94%
6	Semporna	94%
7	Kota Marudu	94%
8	Beluran	94%
9	Ranau	94%
10	Tenom	94%
11	Sipitang	94%
12	Kota Kinabalu	93%
13	Tuaran	93%
14	Papar	93%
15	Keningau	93%
16	Penampang	93%
17	Sandakan	93%
18	Lahad Datu	93%
19	Tawau	93%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

**J. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 65 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 30,690 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 107 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 66 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 34 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan empat (4) pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam 14 premis di tujuh (7) daerah iaitu Tawau, Kudat, Kota Kinabalu, Kunak, Semporna, Keningau dan Kinabatangan.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 118 lokasi di 22 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

**Manfaatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa ini untuk melindungi diri serta ahli keluarga masing-masing daripada jangkitan wabak COVID-19. Duduklah di rumah jika tiada sebarang urusan penting. Bagi golongan yang terpaksa keluar bekerja, bersama-sama kita patuhi SOP untuk menentang COVID-19.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

14 Januari 2021